

04/06/1999

PM nasihat Asia lebih waspada

Mahfar Ali in Tokyo

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan negara Asia mengenai pentingnya mengingati kesilapan lalu bagi mengelak rantau ini sekali lagi menjadi mangsa serangan pedagang mata wang.

"Kita semua bersalah dalam banyak perkara, sesetengahnya mengikut saja nasihat agensi antarabangsa terkemuka dan berpengaruh," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, walaupun tempoh sukar akibat kegawatan ekonomi sudah berlalu, negara Asia masih mempunyai perjalanan yang jauh untuk memulakan kembali pertumbuhan terpantas yang pernah dinikmati sebelum ini.

Sehubungan itu, dalam ucapannya pada persidangan antarabangsa mengenai masa depan Asia di sini hari ini, beliau menggariskan tiga pendekatan penting yang mesti dilakukan negara di rantau ini bagi mengulangi sejarah pertumbuhan ekonominya.

Dr Mahathir berkata, pendekatan itu ialah negara Asia mesti membina kekuatan sendiri, terus melakukan perubahan serta membentuk semula masyarakat dan perlu lebih pragmatik.

Menurut beliau, dalam menghadapi kegagalan masyarakat antarabangsa untuk membentuk sistem kewangan baru dunia, setiap negara mesti melindungi diri sendiri seberapa baik yang boleh.

"Kita tidak mempunyai pilihan, selain mengatur dan membentuk semula diri kita serta mempertingkatkan kekuatan dan mengurangkan lagi kelemahan kita," katanya pada persidangan anjuran kumpulan media Nihon Keizai Shimbun Inc (Nikkei).

Persidangan itu dihadiri kira-kira 350 orang, termasuk ahli politik, akademik, tokoh korporat, bank dan media.

Dr Mahathir yang tiba di sini semalam selepas melakukan lawatan kerja di Nagoya sejak Sabtu lalu berkata, negara Asia juga mesti lebih pragmatik dengan melakukan apa yang berkesan serta meninggalkan segera kaedah yang ternyata tidak berjaya.

Dalam ucapan lebih setengah jam itu, Dr Mahathir turut mengimbau pengalaman Malaysia menangani krisis ekonomi, termasuk memperkenalkan dasar kawalan modal berpilih dan tukaran asing dalam mengekang serangan pedagang mata wang.

Perdana Menteri berkata, dasar lebih pragmatik yang diperkenalkan Malaysia pada 1 September 1998 itu, setakat ini menghasilkan pencapaian dramatik, walaupun sebelum ini mendapat kritikan pelbagai pihak.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjelaskan beliau tidak menyarankan supaya dasar kawalan berpilih itu dilaksanakan negara lain, sebaliknya hendak menegaskan mengenai keperluan pragmatism dalam menghadapi apa jua keadaan.

Perdana Menteri juga mengingatkan negara Asia mengenai gerakan besar-besaran untuk membuka pasaran rantau ini, bahkan seluruh dunia, tanpa batas atau apa yang disifatkan sebagai pasaran terbuka Anglo-Saxon.

Dalam istilah politik pula, katanya, Barat mahu mengubah semua sistem politik dunia menjadi demokrasi liberal Anglo-Saxon.

Perdana Menteri berkata, beliau bukan membuat andaian bahawa Barat sengaja cuba menjadikan Asia seperti mereka supaya dapat melemahkan rantau ini.

Namun, katanya, negara Asia tidak harus melakukan kesilapan dengan menghapuskan nilai-nilai murni yang memberinya kekuatan pada masa lalu dan yang akan terus menjadikannya lebih kuat pada masa akan datang.

Perdana Menteri mengakui amalan Barat, terutama yang banyak memberi

kebaikan mesti diterima, tetapi banyak juga perkara yang mesti ditolak dan pada masa sama negara Asia mesti mengekalkan apa yang baik dan produktif.

Menurut beliau, amalan kronisme dan rasuah pula mesti dihapuskan manakala pengurusan kerajaan dan sektor korporat hendaklah diperkemaskan dan lebih telus.

Malah, kata Dr Mahathir, dalam memasuki alaf baru semua mesti bekerja keras dan berazam memulakan penghidupan baru bukan saja untuk Asia, malah seluruh dunia.

"Ini bukan saja menjadi tanggungjawab Asia, bahkan Eropah, Amerika dan Afrika tanpa mengira warna kulit dan pegangan.

"Kita mesti bersama untuk pertama kali dalam sejarah dunia, membina masyarakat global yang dapat berkongsi kekayaan dan kemakmuran," katanya.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berharap generasi muda yang bertanggungjawab merealisasikan penghidupan baru manusia pada abad baru, tidak saja memikirkan persamaan dari segi kekayaan material, malah mesti saling menghormati dan membantu tanpa mengira warna kulit dan pegangan.

Menurut Perdana Menteri, individu pula mesti dinilai secara menyeluruh berdasarkan sumbangan dan keperibadiannya, bukan dari segi wajah, warna kulit, kekayaan dan kekuasaan.

Dr Mahathir juga merayu generasi muda supaya memastikan tidak berlaku pertembungan peradaban, sebaliknya membina dunia baru yang lebih baik dan harmoni.

Pada sesi soal jawab pula, Dr Mahathir menjelaskan ideanya mengenai pembentukan masyarakat global tidak boleh disamakan dengan konsep globalisasi yang dicetuskan Barat.

Menurutnya, globalisasi hanya menguntungkan negara maju kerana idea dunia tanpa sempadan yang dibawa Barat cuma mementingkan pengaliran modal secara bebas dan ini akan menyebabkan negara lemah terus tertekan.

"Kenapa tidak membenarkan penduduk dari negara miskin bergerak secara bebas dan tinggal di negara maju untuk berkongsi kekayaan," katanya.

(END)